

## **PELAKSANAAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KAEDAH SOKRATIK DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH NEGERI JOHOR**

### **[IMPLEMENTATION OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS TO APPROACH THE SOCRATIC METHOD IN SECONDARY SCHOOL AREA IN JOHOR]**

NORASMAH AMBOK TANG<sup>1\*</sup> & MOHD ISA HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Corespondent Email: norasmahnorasmah03@gmail.com

---

*Received: 2 February 2022*

*Accepted: 28 February 2022*

*Published: 7 March 2022*

---

**Abstrak:** Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik ke atas guru Pendidikan Islam di sekolah menengah di daerah negeri Johor. Dapatkan kajian berdasarkan analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai purata min bagi tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik berada pada tahap tinggi. Manakala, bagi analisis inferensi, dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelaksanaan kaedah sokratik dengan jantina, umur dan lokasi. Menurut analisis Korelasi Pearson, dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan dan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik. Berikutnya itu, dengan adanya kajian ini, ianya diharap dapat dijadikan sumber rujukan bagi pihak pengurusan dalam usaha meningkatkan keberkesanan pelaksanaan kaedah sokratik dengan meneliti tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan guru-guru.

**Kata kunci:** kaedah sokratik, tahap pengetahuan, tahap pelaksanaan, guru Pendidikan Islam.

**Abstract:** The purpose of this research conducted is to identify the level of knowledge and implementation of Islamic Education teachers to practice Socratic method. The methods used was survey design which includes giving questionnaires to Islamic Education Teachers in secondary schools area in Johor. The result from descriptive analysis shows that the mean for both level of knowledge and implementation is high among Islamic Education teachers. The result from inference analysis shows that there is no significant differences between level of knowledge and implementation by gender, age and location among Islamic education teachers. Referring to Pearson Correlation analysis, it was found that there is a significant relationship between the level of knowledge and implementation among Islamic Education teachers towards Socratic method. Hence, with the presence of this research, the researcher hopes that it would become the reference for management team in order to enhance the effectiveness of implementation Socratic method by focusing on the level of knowledge and implementation among the teachers.

**Keywords:** Socratic method, level of knowledge, level of implementation, Islamic Education teacher.

**Cite This Article:**

Norasmah Ambok Tang & Mohd Isa Hamzah. 2022 Pelaksanaan Pengajaran Guru Pendidikan Islam terhadap Kaedah Sokratik di Sekolah Menengah Daerah Negeri Johor [Implementation of Islamic Education Teachers to Approach The Socratic Method in Secondary School Area in Johor]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1), 73-81.

## PENDAHULUAN

Kaedah sokratik dikenali dengan corak pemikiran yang kreatif dan kritis melalui aspek pertanyaan soalan serta berbincang untuk mendapatkan jawapan yang pasti. Pendekatan utama dalam kaedah sokratik ini ialah bermula daripada guru sebagai fasilitator iaitu pemudahcara mengutarakan soalan berbagai-bagai aras kesukaran kepada para pelajarnya. Berdasarkan soalan yang diberikan, pelajar akan menggunakan keupayaan minda mereka untuk berfikir bagi menjawab soalan-soalan yang dilontarkan semasa dalam kelas. Para pelajar akan berusaha memperkembangkan daya pemikiran dengan membina konstruk dalam mencari sesuatu maklumat yang dipelajari (Salihuddin et al. 2014). Aspek ini akan mendorong pelajar bersifat inkiri (perasaan ingin tahu) yang tinggi secara tidak langsung pelajar akan menggali dan meneroka sesuatu maklumat itu untuk mendapat jawapan daripada maklumat yang dipelajari (Tikva, 2010).

Tanggungjawab seorang pendidik (*mudarris*) adalah sebagai penyampai (*muallim*) yang berperanan menyampaikan dan menyebarkan ilmu kepada pelajar. Menurut Noor Hisham (2011), proses pengajaran dan pembelajaran adalah bertujuan untuk mendapat ilmu pengetahuan. Secara umumnya, sebagai seorang pendidik perlu menjaga akauntabilitinya sebagai seorang guru yang diamanahkan untuk menyampaikan sesuatu maklumat yang bermanfaat dan ilmu pengetahuan secara profesional, bertanggungjawab dan ikhlas dalam peyampaiannya.

Peranan seorang guru harus berfikir secara kreatif dan kritis menggunakan cara pengajaran yang paling sesuai dan berkesan. Pendekatan sokratik yang digunakan dalam pengajaran Pendidikan Islam merupakan pendekatan yang memberikan perhatian dari sudut kaedah dialog dan interaksi dua hala antara guru dan pelajar mengenai sesuatu perkara yang dibincangkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kaedah ini selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menekankan intelektual supaya dapat mewujudkan budaya saing yang seimbang di antara satu sama lain.

Dalam usaha melahirkan pelajar yang cemerlang dalam akademik, mampu untuk berfikiran proaktif dan inovatif, Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa peka dan mengenal pasti pentingnya melaksanakan sistem pendidikan yang berkualiti menjadi asas kepada kewujudan negara maju serta berdaya saing. Justeru itu juga, pihak KPM sentiasa mencari jalan penyelesaian dengan penambahbaikan sistem pendidikan sedia ada agar ia mampu menggapai segala yang dihasratkan oleh negara. Salah satu saranan yang ditekankan dalam sistem pembelajaran pada masa kini adalah dengan melaksanakan kaedah pembelajaran secara aktif dalam kelas yang berpusatkan kepada pelajar. Pembelajaran secara aktif ini dapat mengenal pasti tahap perbezaan dalam kalangan pelajar bagi mewujudkan penglibatan yang aktif kepada semua pelajar. Pelaksanaan corak pembelajaran secara berdialog dilaksanakan sebagai alternatif dengan melibatkan interaksi dua hala. Maka, guru adalah sumber kuasa dalam memastikan segala ilmu pengetahuan dan merancang

kemahiran bagi membina keupayaan kognitif untuk berfikir secara kreatif dan proaktif. Jelaslah bahawa, pendekatan abad ke-21 ini memberi kewajaran kepada pelajar untuk mereka berfikir secara mendalam dan mengajar mereka untuk mendapatkan pelbagai maklumat dengan cara memberi idea ketika sesi perbincangan berlangsung.

## **KAJIAN LITERATUR**

Pembelajaran kaedah sokratik amat menekankan pelajar agar berfikir untuk membina konstruk dalam mempelajari sesuatu. Semakin jauh pemikiran pelajar, semakin mendalam perasaan ingin tahu yang akan melahirkan sifat inkuiri pelajar terhadap sesuatu perkara yang dipelajarinya (Tikva, 2010). Menurut Birnbacher (2004) kaedah yang sering dilakukan dalam pembelajaran sokratik adalah berdialog. Apabila berdialog pelajar akan membincangkan segala permasalahan dan mencari penyelesaian kerana pembelajaran ini lebih kepada pembelajaran kendiri. Menurut Shea (2006) berdasarkan setiap soalan yang diutarakan pelajar perlu memberikan jawapan yang logik supaya boleh dijadikan hujah dan kesimpulan. Ternyata kaedah sokratik boleh merangsang pemikiran pelajar supaya lebih kritis. Swain (2007) pula menyatakan kaedah sokratik ini bukan berpusat kepada guru sahaja, namun ia memerlukan pembacaan dan pemikiran yang teliti serta pelajar mestilah mengeluarkan hujah mereka supaya soalan-soalan yang diberi terjawab. Kaedah sokratik merupakan proses komunikasi dua hala antara guru dan pelajar yang membolehkan pelajar lebih melibatkan diri berbanding guru dalam mengeluarkan pendapat dan idea mereka semasa pdpc dilaksanakan.

Pelajar akan lebih aktif dan terus aktif apabila diasak dengan pelbagai soalan (Peterson 2009). Kaedah sokratik banyak membantu pelajar agar lebih yakin dengan kemampuan diri dan berani melontarkan pendapat. Setiap soalan mesti ada objektifnya iaitu dapat menggerakkan minda pelajar, menilai pemahaman pelajar, membimbing pelajar, merantas pembelajaran, menggalakkan mutu pemikiran yang tinggi, mengekalkan perhatian dan mengeratkan interaksi.

Guru perlu bijak dalam mengurus pelajar, agar mereka tidak lari tumpuan dan tidak merasa terpinggir dengan kelemahan mereka. Seterusnya dalam merantas pembelajaran Kamarul & Halim (2007) berpendapat proses pembelajaran sepatutnya berlaku secara aktif sepanjang masa. Guru perlu peka kepada kemampuan akal pemikiran pelajar dan sentiasa berinteraksi antara guru dan pelajar. Apabila sentiasa berinteraksi maka akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih baik dan kesannya juga amat positif (Zawawi 1988; Abd Ghafar 2003). Objektif ini mestilah dipraktikkan oleh guru supaya pelajar lebih peka di dalam kelas dan mereka tidak terlalu bergantung harap kepada guru sahaja. Mereka perlu lebih berdikari supaya setiap ilmu baru yang mereka peroleh dan setiap perkara yang diusahakan mereka akan diingati dan dihargai. Kaedah sokratik menitikberatkan kaedah berdialog dan juga perbincangan adalah bertujuan bagi menemukan penyelesaian kepada sesuatu masalah yang dibincangkan.

Pendekatan sokratik ini merupakan pendekatan yang memberikan perhatian dari sudut kaedah berdialog dan berinteraksi dua hala antara guru dan pelajar mengenai sesuatu perkara yang dibincangkan. Kaedah ini selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menekankan intelektual supaya dapat mewujudkan budaya saing yang seimbang di antara satu sama lain. Menurut Meor Rahman (2003) mengatakan bahawa didapati pelajar menonjolkan kebosanan dan tidak tertarik dengan kandungan mata pelajaran disebabkan pendekatan guru

yang tidak memenuhi pola pemikiran mereka. Para pelajar tidak memahami mata pelajaran Pendidikan Islam kerana strategi pengajaran guru tidak sesuai hanya menumpukan pembelajaran kepada buku teks yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja. Selain itu, kajian Daud et al., (2006) menyatakan bahawa hanya segelintir sahaja daripada guru mata pelajaran menginovasikan kaedah PdPc mereka. Norazlin & Rahaimah (2019) menambah bahawa guru perlu menerapkan kaedah abad ke-21 bagi melahirkan pelajar berkemahiran dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan menggunakan alatan teknologi maklumat dan mempelbagaikan teknik PdPc (Iberahim et al. 2017).

Sekiranya dirujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (PPPM), antara elemen penting yang tersenarai di dalamnya adalah sistem pendidikan di Malaysia ini lebih memfokuskan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Maka untuk memastikan hasrat tersebut tercapai, kaedah pembelajaran sokratik merupakan salah satu kaedah yang sesuai dilaksanakan (Salihuddin et al. 2014). Pelajar akan tertarik terhadap kaedah yang disampaikan dengan memberi kefahaman dan mengadaptasi tajuk yang disampaikan dengan baik. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah bagi mengkaji dan mengenal pasti pendekatan kaedah sokratik dalam pembelajaran Pendidikan Islam yang berfokuskan persoalan tahap kemahiran dan kefahaman kaedah sokratik dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

## METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya kajian ini merupakan kajian kuantitatif iaitu berbentuk deskriptif bagi mengenal pasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan tahap pelaksanaan dan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan termasuk dalam kajian yang diklasifikasikan oleh Mohd Majid Konting (1998) merupakan salah satu jenis kajian dalam penyelidikan deskriptif. Pengkaji telah membuat perbandingan dua kaedah pengajaran iaitu pengajaran berdasarkan kaedah sokratik dan pengajaran berdasarkan (tradisional). Sehubungan itu, pengumpulan data sebagai instrumen dibuat dengan menggunakan borang soal selidik atas talian melalui aplikasi *Google Form* yang ditulis dalam Bahasa Melayu. Soal selidik ini dibina berdasarkan hasil pemerhatian daripada kajian-kajian lepas. Kandungannya ringkas dan tidak membebankan responden untuk menjawabnya. Soal selidik ini terbahagi kepada 3 bahagian, Bahagian A, merupakan bahagian maklumat dermografi. Bahagian B adalah tahap pelaksanaan guru Pendidikan Islam tentang kaedah sokratik di sekolah menengah negeri Johor dan bahagian C ialah tahap pelaksanaan dan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik. Skor setiap instrumen telah menggunakan skala likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Dalam kajian ini keseluruhan sampel adalah terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam di satu daerah negeri Johor. Penyelidik memilih 280 orang guru mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai populasi. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan seramai 150 orang guru Pendidikan Islam sebagai responden kajian. Sampel yang digunakan adalah 150 orang dan ianya dipilih dalam kalangan populasi yang terdiri daripada 280 orang guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di satu daerah negeri Johor.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan dapatan berkenaan kebolehpercayaan item bagi kajian rintis sebanyak 20 responden. Hasil dapatan mendapati bahawa Cronbach Alpha pengetahuan guru bagi pelaksanaan kaedah sokratik menunjukkan 0.853 dan pelaksanaannya adalah 0.769. Ini menunjukkan bahawa setiap item dalam soal selidik ini boleh diterima dan boleh digunakan apabila nilai melebihi 0.7.

Jadual 1: Kebolehpercayaan Item

Aspek	Cronbach alpha	Bilangan Item
Pengetahuan Guru	0.853	7
Pelaksanaan Kaedah Sorkatik	0.769	6

Jadual 2: Latar Belakang Responden

Demografi	Bilangan (N)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	67	44.7
Perempuan	83	55.3
Umur		
25-30 tahun	48	32.0
31- 40 tahun	48	32.0
41 – 50 tahun	46	30.7
Lebih 50 tahun	8	5.3
Lokasi		
Bandar	116	77.3
Pinggir Bandar	34	22.7
Pengalaman Mengajar		
1 – 10 tahun	50	33.3
11 – 20 tahun	35	23.3
21 – 30 tahun	58	38.7
31 - 40 tahun	7	4.7

Jadual 2 menunjukkan demografi responden dalam menjawab soal selidik yang terdiri daripada jantina, umur, lokasi dan pengalaman mengajar.

Jadual 3: Perbandingan skor min pelaksanaan kaedah sorkatik mengikut jantina

Kategori	N	Min	Sisihan Piawai	Df	Ujian T	Sig
Lelaki	67	4.228	0.359			
Perempuan	83	4.182	0.401			
Jumlah	150					

Jadual 3 menunjukkan ujian T tidak terdapat perbezaan antara jantina t (148) = 0.733, p = 0.465. Keputusan menunjukkan tahap signifikan adalah 0.465 iaitu tidak signifikan disebabkan nilainya adalah besar daripada 0.05.

Jadual 4: Perbandingan skor min pelaksanaan kaedah sokratik mengikut lokasi sekolah

Kategori	N	Min	Sisihan Piawai	Df	Ujian T	Sig
Bandar	116	4.204	0.380			
Pinggir Bandar	34	4.201	0.395			
Jumlah	150					
				148	0.04	0.96

Berdasarkan jadual 4, ujian T menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara lokasi (148) = 0.041, p = 0.96. Keputusan menunjukkan tahap signifikan adalah 0.96 iaitu tidak signifikan disebabkan nilainya adalah besar daripada 0.05. Ini bermaksud,tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap pelaksanaan kaedah sokratik mengikut lokasi sekolah. Oleh itu, jantina bukan merupakan faktor penyebab dalam implikasi pelaksanaan kaedah sokratik.

Jadual 5: Perbezaan antara pelaksanaan kaedah sokratik mengikut kumpulan umur

Umur	N	Min	Sisihan Piawai	Df	Ujian F	Sig
25-30 tahun	48	4.170	0.356			
31-40 tahun	48	4.229	0.389			
41-50 tahun	46	4.239	0.413			
Lebih 50 tahun	8	4.041	0.305			
Jumlah	150	4.203	0.382			
Antara Kumpulan				3		
Dalam Kumpulan				146	0.800	0.496

Jadual 5 menunjukkan perbezaan skor min pelaksanaan kaedah sokratik berdasarkan kumpulan umur. Ujian ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan pelaksanaan kaedah sokratik F (3, 146) = 0.800, p=0.496. Keputusan menunjukkan tahap signifikan adalah 0.49 iaitu tidak signifikan disebabkan nilainya adalah besar daripada 0.05. Ini bermaksud,tidak terdapat perbezaan yang signifikan antarapelaksanaan kaedah sokratik mengikut kumpulan umur. Oleh itu, kumpulan umur bukan merupakan faktor penyebab dalam implikasi pelaksanaan kaedah sokratik.

Jadual 6: Hubungan antara tahap pelaksanaan dan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik.

		Pelaksanaan
Pengetahuan	Korelasi Pearson	0.482
	Sig. (2-tailed)	0.000
	N	150

\*\*hubungan signifikan pada aras 0.01

Jadual 6 menunjukkan hubungan antara tahap pelaksanaan dan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik. Analisis korelasi Pearson bagi pelaksanaan menunjukkan hubungan positif yang sederhana dan signifikan dengan pengetahuan ( $r=0.482$ ,  $p=0.000$ ). Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan dan pengetahuan guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik..

## PERBINCANGAN

Peranan dan tugas seorang pendidik bukan hanya sekadar menyampaikan ilmu sahaja kepada pelajar, malah lebih luas daripada itu seorang pendidik khususnya guru Pendidikan Islam juga berperanan membentuk keperibadian dan memperkembang potensi individu secara menyeluruh bagi mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Bagi memastikan peranan ini dapat dimainkan dengan sebaiknya, para pendidik perlu menguasai kandungan ilmu mata pelajaran dan mempunyai pengetahuan pedagogi kandungan yang secukupnya (Siti Salwa, 2014). Kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penguasaan Jawi seseorang dengan PdP yang dijalankan. Ini bermaksud semakin tinggi penguasaan Jawi seseorang guru, semakin bagus dan berkeyakinan proses PdP yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Keadaan ini sudah tentu akan membantu murid-murid untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan dan seterusnya akan meningkatkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid.

Dalam konteks sistem ejaan Jawi, semua pihak terutamanya GPI mesti menjadikan *Pedoman Ejaan Jawi yang Disempurnakan* (PEJYD) sebagai rujukan utama untuk menguasai ejaan Jawi. Disamping itu, GPI juga mestilah sentiasa berusaha menambahkan ilmu Jawi dengan menghadiri kursus, latihan, bengkel dan seumpamanya secara berterusan. Bukan itu sahaja, sekarang ini sumber ilmu banyak dihujung jari sahaja. GPI boleh mencari banyak bahan berkenaan dengan ejaan Jawi dalam internet. Namun mesti berhati-hati kerana banyak juga bahan yang tidak relevan dan kurang kesahihannya. Carilah bahan di laman sesawang berautoriti seperti DBP, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), KPM dan sebagainya. Di samping itu juga, penguasaan pengetahuan kandungan ilmu mata pelajaran boleh ditingkatkan dengan menghadiri majlis-majlis ilmu dan perkongsian ilmu melalui perbincangan (Ab Halim et al., 2012) secara maya di peringkat sekolah, daerah dan juga negeri. Mengikuti perbincangan ilmiah melalui kumpulan yang ditubuhkan di aplikasi maya seperti Whatsapp, Telegram dan sebagainya adalah mekanisme terpantas dan termudah yang boleh dimanfaatkan oleh para guru bagi meningkatkan ilmu

pengetahuan dalam bidang yang diajar yang diperoleh daripada pihak tertentu yang bersedia berkongsi ilmu serta kepakaran. Justeru, GPI khususnya harus bersikap proaktif dengan berusaha menambah ilmu pengetahuan berkenaan bidang yang diajar melalui kursus-kursus, forum ilmu dan juga melalui pembacaan ilmiah bagi mengelakkan mereka daripada terus ketinggalan tanpa sebarang perkembangan ilmu.

## RUJUKAN

- Birnbacher, D., and Krohn, D. 2004. *Socratic dialogue and self-directed learning*. In R. Saran and B. Neisser (Eds.), *Enquiring minds: Socratic dialogue in education*. Stoke-on-Trent. UK: Trentham Books.
- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi. 2006. Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Murid. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 2(1): 125–144.
- Grunwald Associates LLC. 2010. Educators, Technology and 21st Century Skills: Dispelling Five Myths (A Study on the Connection Between K–12 Technology Use and 21st Century Skills). t.t.p.: Walden University.
- Abdullah, Ibrahim. 2017. Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Kaitannya dengan Pembangunan Diri dan Peluang Pekerjaan. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan, 8 – 9 September. Pahang, Malaysia*. Universiti Malaysia Pahang, hal. 1-10.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2007. Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi* 51(E): 57- 71.
- Meor Rahman. 2003. Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar. *Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor Darul Ehsan*.
- Noor Hisham. 2011. Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Dlm. *kertas kerja Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011.P.Pinang*, hlm. 1-15.
- Peterson, E. 2009. Teaching To Think : Applying The Socratic Method Outside The Law School Setting 6(5): 83–88.
- Philips. 1997. *Pengajaran Kemahiran Berfikir. Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Pelan Strategik Pembestarian Sekolah 2016-2020. Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur 2016.
- Salihuddin Md. Suhadi, Baharuddin Aris, Hasnah Mohammed, Norasykin Mohd. Zaid & Zaleha Abdullah. 2014. Penguasaan Pelajar Dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dengan Pembelajaran Kaedah Sokratik. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014, 11-13 Ogos 2014. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu. Malaysia*, hal. 1-8.
- Shea, P., Li, C. S., and Pickett, A. 2006. A study of teaching presence and student sense of learning community in fully online and web-enhanced college courses. *Internet and Higher Education* 9(3): 175-190.
- Swain, M. 2007. What are the Benefits for Gifted Learners? *TAGT Annual Conference, (November)*, hal. 1–4.
- Tikva, J. B. 2010. Socratic teaching is not teaching, but direct transmission is: Notes from 13 to 15-year olds' conceptions of teaching. *Teaching and Teacher Education*: 26(3): 656–664.

Zawawi Ahmad. 1988. Teras dan Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam* 2(8):1-10.